

# Usah hukum

Bukan semua orang Barat jahat, ada menyokong Islam

FOTO | Mohd Fadli Hamzah



**DIHARGAI...** Tuanku Najihah berkenan menyampaikan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Sheikh Muhammad, semalam.

>>Oleh **FUAD HADINATA YAACOB**

hadinata@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: "Bukan semua orang Barat jahat dan jangan terburu-buru menghukum mereka, ada yang baik, malah menyokong Islam," kata Sheikhul Al-Azhar, Dr Sheikh Muhammad Sayyid Tantawi.

Malah, menurut tokoh ilmuwan Islam ulung dari Mesir itu, ilmu yang baik dan membawa faedah, termasuk dari Barat, boleh dipelajari, tetapi jangan menggunakannya untuk memusnahkan orang lain.

Katanya, umat Islam hari ini ditekankan supaya mengamalkan sikap 'ambil yang baik dan buang yang jahat' kerana masih ada masyarakat Barat bersikap baik, malah menyokong umat dan agama Islam.

"Saya tegaskan di sini, kita tidak boleh memberi pendapat secara umum mengenai mereka (Barat) kerana tidak semuanya jahat.

"Ada yang menyokong, termasuk memeluk Islam dan di Universiti Al-Azhar misalnya, 30,000 pelajar asing memeluk Islam dari negara seperti Amerika Syarikat, Eropah dan juga Af-

rika," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar ketika ditemui selepas menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Dakwah dan Pengurusan Islam daripada Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Tunku Ampuan Negeri Sembilan yang juga Canselor Usim, Tuanku Najihah Al-marhum Tunku Besar Burhanuddin, mencemar duli ke Majlis Konvokesyen Khas itu, sekali gus berkenan menyampaikan anugerah berkenaan kepada Sheikh Muhammad.

Hadir sama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Abdul Shukur Husin; lembaga pengarah serta wakil luar seperti dari Asia Barat, Eropah dan Asia Tengah.

Penganugerahan itu atas jasa Sheikh Muhammad mengembangkan Islam, keadilan sejagat selain jalinan kerjasama dan persahabatan antara Usim dan Universiti Al-Azhar.

Sheikh Muhammad, 80, yang lahir pada 28 Oktober 1928 di Bandar Suhaj, menjadi Mufti Mesir dari 1986

sehingga 1996 serta memegang pelbagai jawatan, termasuk pensyarah, profesor dan dekan fakulti di beberapa universiti.

Dalam penulisan dan penyelidikan, beliau menghasilkan lebih 30 buku pelbagai bidang seperti Tafsir, Hadis, Fiqah, Usuluddin dan Kewangan Islam.

Menjawab soalan masih ada umat Islam tidak bersatu seperti perbezaan mazhab Sunnah dan Syiah, Sheikh Muhammad berkata, dalam agama Islam, umat dari zaman Nabi Adam AS sehingga Nabi Muhammad SAW adalah sama.

"Tiada beza antara Sunnah, Syiah atau Islam di Timur dan Barat. Selagi berpegang kepada ajaran Islam dan tidak memusuhi Nabi (Muhammad SAW) serta sahabat, itu Islam sejati (sebenar)," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya selepas menerima anugerah, beliau meminta ulama hari ini berani menyampaikan ilmu yang benar tanpa perlu takut kepada sesiapa kerana ilmu amanah Allah SWT.

Beliau yang turut mengucapkan terima kasih dengan penganugerahan itu berkata, ilmu lebih penting daripada harta kerana ia tidak ber-

## “

Ada yang menyokong, termasuk memeluk Islam dan di Universiti Al-Azhar misalnya, 30,000 pelajar asing memeluk Islam dari negara seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Afrika”

>Dr Sheikh Muhammad Sayyid Tantawi  
Sheikhul Al-Azhar

kurang, sebaliknya harta akan habis.

"Pada zaman Rasulullah SAW, baginda menghantar sekumpulan sahabat mencari ilmu dengan membuat pedang di tempat musuh dan ia bermaksud, ilmu tiada sempadan, malah boleh diibaratkan seperti hakim," katanya yang menghadiri Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar 2008 dari 13 hingga 18 Februari ini.